

Powell setuju sebahagian ucapan Dr. M disalah tafsir

UM 21 OCT 2003

BANGKOK 20 Okt. — Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Colin Powell bersetuju sebahagian besar ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disalah tafsir dan menjadi kontroversi pada pembukaan Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini mengandungi "idea-idea dan perkara-perkara yang baik".

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Powell telah membaca keseluruhan isi kandungan ucapan itu setelah ia mendapat reaksi negatif seluruh dunia.

"Beliau bersusah payah mengambil masa membaca keseluruhan ucapan itu kerana kontroversi itu dan dia tahu kebanyakannya mengandungi

idea-idea dan perkara yang baik yang boleh dilaksanakan," katanya selepas perbincangan dua hala dengan Powell di sesi sampingan sempena Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-11 di sini hari ini.

Menggesa

Dalam ucapan itu, Dr. Mahathir telah menggesa supaya dihentikan semua keganasan dan pembunuhan termasuk pengeboman berani mati dan umat Islam harus berfikir sebentar sebelum bertindak.

Tetapi ucapannya bahawa "Yahudi memerintah dunia melalui proksi dan mereka meminta pihak lain berlawan dan mati untuk mereka" telah diputar belit oleh agensi berita

Barat dengan menggambarkan Dr. Mahathir seorang anti-Yahudi.

Syed Hamid bagaimanapun berkata, Powell ada berkata bahawa beberapa bahagian ucapan Dr. Mahathir itu telah mencetuskan reaksi negatif.

"Saya mengambil kesempatan itu untuk menerangkan kepada beliau keadaan sebenar. Saya memberitahunya supaya membaca keseluruhan ucapan," katanya.

Sebaliknya, kata Syed Hamid kepada Powell, Dr. Mahathir turut mengkritik orang Islam, malah meminta mereka melihat kepada kejahatan orang Yahudi.

Sambil menyifatkan pertemuan dua hala itu sebagai baik, Syed Hamid berkata mesyuarat itu dibuat

atas permintaan Powell setelah pertemuan yang dirancang di New York bulan ini dibatalkan.

Pada pertemuan itu, Syed Hamid memberi jaminan kepada AS bahawa dasar-dasar Malaysia tidak akan berubah walaupun akan berlaku perubahan pucuk pimpinan apabila Dr. Mahathir bersara pada 31 Oktober ini.

Perubahan

"Saya memberitahunya ini hanyalah perubahan kepimpinan dan ia bukan menukar rejim. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan dasar sedia ada.

"Lagipun, Abdullah bukan orang baru dan Powell mengenalinya secara peribadi," katanya. —*Utusan*